

# Semua kakitangan perlu lonjak nama UMS ke persada antarabangsa

UB 28.07.2012 B6

LABUAN: Semua kakitangan perlu bersama-sama melonjakkan nama Universiti Malaysia Sabah (UMS) ke peringkat lebih tinggi iaitu di peringkat antarabangsa bagi menyaingi universiti lain di negara ini.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMS, Profesor Dr Shariff Abdul Kadir Omang Al-Haj berkata sudah sampai masanya kakitangan akademik dan bukan akademik membantu pengurusan universiti menaikkan imej dan nama UMS ke arah lebih cemerlang sama ada di peringkat nasional maupun antarabangsa.

Katanya, selaras dengan usaha Naib Canselor, Prof Dr Harun Abdullah untuk mencermengangkan UMS bertaraf antarabangsa, warga universiti juga mempunyai peranan dan tanggungjawab yang sama agar hasrat, misi dan visi berkenaan mampu direalisasikan.

Beliau berkata, ketika ini promosi dan pendedahan sedang dilakukan di peringkat negeri Sabah terutama di kawasan pedalaman supaya lebih ramai penduduk luar bandar mengenali dan mendekati UMS sebagai sebuah gedung ilmu yang disegani di negara ini.

“Semua kakitangan mempunyai peranan dan tanggungjawab masing-masing untuk membantu menaikkan nama UMS di kawasan pedalaman, nasional dan antarabangsa,” katanya pada majlis serah dan terima tugas jawatan Pengarah UMS-KAL di Dewan Theatrette, UMS-KAL, Khamis lalu.



**DR SHARIFF (lima kiri) bersama pegawai kanan UMS-KAL selepas majlis penyerahan tugas jawatan pengarah.**

Beliau yang juga mantan Pengarah UMS-KAL sejak 12 September 2009 menyerahkan tugas itu kepada Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), Dr Ag Asri Ag Ibrahim yang akan memangku jawatan itu berkuatkuasa 18 Julai lalu.

Dr Shariff, 56, yang berasal dari Kampung Kolapis, Beluran dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMS yang baru berkuatkuasa 15 Julai 2012 sehingga 14 Julai 2015.

Turut menyaksikan majlis itu ialah Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi) Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL), Lee Hock Ann dan Timbalan Pendaftar UMS-KAL, Zamri Mohamad Tuah.

Dr Shariff berkata, promosi bergerak perlu diadakan di



**DR SHARIFF (tiga kanan) menerima cenderamata daripada Dr Ag Asri diperhatikan Lee (kanan) dan Zamri (kiri).**

pedalaman Sabah, Sarawak dan negeri-negeri di Semenanjung bagi memastikan nama UMS sentiasa dikenali dan dihargai penduduk di negara ini.

Sehubungan itu, beliau akan mengadakan jalinan kerjasama dengan pelbagai pihak termasuk institusi pengajian tinggi awam (IPTA) agar lebih ramai pelajar

melanjutkan pelajaran ke UMS sama ada di Kampus Antarabangsa Labuan maupun di Sandakan.

Selain itu, tambahnya, jalinan kerjasama di peringkat antarabangsa juga akan dilakukan supaya lebih ramai rakyat negara asing turut melanjutkan pengajian tinggi mereka di UMS.



**PENSYARAH SPKAL dan SSIL tidak ketinggalan menghadiri majlis itu.**



**SEBAHAGIAN kakitangan dan pensyarah yang menghadiri perjumpaan dengan Dr Shariff di Dewan Theatrette UMS-KAL.**